



SUPRIANTO (tengah) bersama peserta kursus berkenaan.

# Kakitangan UMS-KAL ikuti Kursus Microsoft Access

UB 26.04.2012 B10

LABUAN: Seramai 22 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah mengikuti Kursus Microsoft Access di Megalab, Bangunan Perpustakaan pada 23 hingga 24 April lalu.

Kursus dua hari itu dikendalikan oleh Pegawai Teknologi Maklumat

Kanan, Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI) UMS-KAL, Suprianto Mohd Noor.

Menurutnya, kursus itu bertujuan untuk mendedahkan kepada kakitangan cara merekod surat dengan lebih berkesan dan sistematik.

Katanya, ianya juga untuk meningkatkan

kecekapan kakitangan dalam urusan pentadbiran pejabat termasuk cara menulis surat mengikut peraturan yang disediakan dalam Microsoft Access.

“Kursus itu untuk menambah baik dan perkembangan kakitangan cara merekod surat dengan lebih berkesan dan sistematik,” katanya.